



TEMPOH CABARAN

Untuk Cabaran 60 Hari

8/9/10 Nov 2019 hingga 10/11/12 Jan 2020

CARA MENYERTAI – CABARAN 60 HARI

1. Bentuk satu pasukan dengan 3 ahli (setiap ahli mesti mempunyai Indeks Jisim Tubuh (BMI) >18.5kg/m² dan tinggal di negeri yang sama. Namakan pasukan anda.
2. Setiap ahli pasukan mesti membeli Kit Permulaan BodyKey (SKU: 283411/ZIPP: 284521/EPP: 284522) untuk layak menyertai cabaran ini.
3. Lakukan timbang mula bersama ahli pasukan anda di Kedai Amway yang terdekat pada 8 atau 9 Nov 2019 (Msia Timur)* ATAU 9 atau 10 Nov 2019 (Msia Barat)** untuk bacaan berat 'SEBELUM'. Timbang mula pada tarikh-tarikh lain TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. Semua ahli pasukan mesti melakukan timbang mula di Kedai Amway yang sama dengan memakai kemeja-T putih.
4. Sesi timbang mula dan mengambil gambar akan dilakukan oleh Amway. Anda hanya perlu **menunjukkan bukti pembelian anda**, naik ke atas alat penimbang dan senyum ke arah kamera!
5. Timbang akhir di Kedai Amway yang terdekat ialah pada 10 atau 11 Jan 2020 (Msia Timur)* ATAU 11 atau 12 Jan 2020 (Msia Barat)**. Timbang akhir pada tarikh-tarikh lain TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. Semua ahli pasukan mesti melakukan timbang akhir di Kedai Amway yang sama.

* Msia Timur – Kedai KK, Kuching dan Sibu

** Msia Barat – PJ (Dewan Latihan), Kedai JB (Plentong), P. Pinang (Perai), Kuantan



BAGAIMANA CARANYA? – KEMPEN PENJUALAN 60 HARI

1. Bentuk satu pasukan dengan 3 ahli (setiap ahli mesti mempunyai Indeks Jisim Tubuh (BMI) $>18.5\text{kg}/\text{m}^2$ dan tinggal di negeri yang sama. Namakan pasukan anda. **Ketua pasukan mesti 15% dan ke Atas.**
2. Setiap ahli pasukan mesti membeli **Kit Permulaan BodyKey (BKJSK)** (SKU: 283411/ZIPP: 284521/EPP: 284522) untuk layak menyertai kempen penjualan ini.
3. Bentuk empat (4) pasukan lagi (setiap pasukan dengan 3 orang ahli) di bawah anda. Ketua pasukan tidak semestinya 15% atau ke Atas. Pasukan-pasukan ini perlu membeli BKJSK, mendaftar dan menyertai cabaran BodyKey.
4. Jika pasukan anda mencapai sama ada minimum Penurunan Berat Badan 6% atau Pengurangan Lemak 3% **DAN** mempunyai empat (4) pasukan berdaftar yang bersaing dalam cabaran BodyKey, anda **MENDAPAT SATU (1) tiket penerbangan PERCUMA ke Bangkok, Thailand.** Tiket ini untuk Ketua Pasukan sahaja dan tidak boleh dipindah milik.
5. Mahu satu lagi tiket penerbangan? Bentuk empat (4) pasukan lagi di bawah anda dan lakukan perkara yang sama. Setiap empat (4) pasukan yang bersaing di bawah anda bersamaan dengan SATU (1) tiket penerbangan PERCUMA (boleh dipindah milik) ke Bangkok, Thailand. Sila ambil perhatian bahawa tiket penerbangan PERCUMA ini hanya diguna pakai apabila pasukan anda memenuhi kriteria minimum (sama ada untuk Penurunan Berat Badan atau Pengurangan Lemak).
6. Muat turun dan cetak borang pendaftaran di **www.bodykey.my**. Lengkapkan borang tersebut dan bawanya bersama bukti pembelian BKJSK pada hari anda

melakukan timbang mula dengan ahli pasukan anda pada **8 atau 9 Nov 2019** (Msia Timur)* ATAU **9 atau 10 Nov 2019** (Msia Barat)**.

* Msia Timur – Kedai KK, Kuching dan Sibu

** Msia Barat – PJ (Dewan Latihan), Kedai JB (Plentong), P. Pinang (Perai), Kuantan

TEMPOH CABARAN

Untuk Cabaran 30 Hari

8/9/10 Nov 2019 hingga 6/7/8 Dis 2019

CARA MENYERTAI – CABARAN 30 HARI

1. Bentuk satu pasukan dengan 3 ahli (setiap ahli mesti mempunyai Indeks Jisim Tubuh (BMI) $>18.5\text{kg/m}^2$ dan tinggal di negeri yang sama. Namakan pasukan anda.
2. Setiap ahli pasukan mesti membeli Kit Pengekalan BodyKey (SKU: 292714/ZIPP: 292739/EPP: 292762) untuk layak menyertai cabaran ini.
3. Lakukan timbang mula bersama ahli pasukan anda di Kedai Amway yang terdekat pada 8 atau 9 Nov 2019 (Msia Timur)* ATAU 9 atau 10 Nov 2019 (Msia Barat)** untuk bacaan berat 'SEBELUM'. Timbang mula pada tarikh-tarikh lain TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. Semua ahli pasukan mesti melakukan timbang mula di Kedai Amway yang sama dengan memakai kemeja-T putih.
4. Sesi timbang mula dan mengambil gambar akan dilakukan oleh Amway. Anda hanya perlu **menunjukkan bukti pembelian anda**, naik ke atas alat penimbang dan senyum ke arah kamera!
5. Timbang akhir di Kedai Amway yang terdekat ialah pada 6 atau 7 Dis 2019 2019 (Msia Timur)* ATAU 7 atau 8 Dis 2019 (Msia Barat)**. Timbang akhir pada tarikh-tarikh lain TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. Semua ahli pasukan mesti melakukan timbang akhir di Kedai Amway yang sama.

* Msia Timur – Kedai KK, Kuching dan Sibu

** Msia Barat – PJ (Dewan Latihan), Kedai JB (Plentong), P. Pinang (Perai), Kuantan




BAGAIMANA CARANYA? – KEMPEN PENJUALAN 30 HARI

1. Bentuk satu pasukan dengan 3 ahli (setiap ahli mesti mempunyai Indeks Jisim Tubuh (BMI) $>18.5\text{kg}/\text{m}^2$ dan tinggal di negeri yang sama. Namakan pasukan anda. **Ketua pasukan mesti 15% dan ke Atas.**
2. Setiap ahli pasukan mesti membeli **Kit Pengekalan BodyKey** (SKU: 292714/ZIPP: 292739/EPP: 292762) untuk layak menyertai kempen penjualan ini.
3. Bentuk lapan (8) pasukan lagi (setiap pasukan dengan 3 orang ahli) di bawah anda. Ketua pasukan tidak semestinya 15% atau ke Atas. Pasukan-pasukan ini perlu membeli Kit Pengekalan BodyKey, mendaftar dan menyertai cabaran BodyKey.
4. Jika pasukan anda mencapai sama ada minimum Penurunan Berat Badan 4% atau Pengurangan Lemak 2% **DAN** mempunyai lapan (8) pasukan berdaftar yang bersaing dalam cabaran BodyKey, anda **MENDAPAT SATU (1) tiket penerbangan PERCUMA ke Bangkok, Thailand.** Tiket ini untuk Ketua Pasukan sahaja dan tidak boleh dipindah milik.
5. Mahu satu lagi tiket penerbangan? Bentuk lapan (8) pasukan lagi di bawah anda dan lakukan perkara yang sama. Setiap lapan (8) pasukan yang bersaing di bawah anda bersamaan dengan SATU (1) tiket penerbangan PERCUMA (boleh dipindah milik) ke Bangkok, Thailand. Ambil perhatian bahawa tiket penerbangan PERCUMA ini hanya diguna pakai apabila pasukan anda memenuhi kriteria minimum (sama ada untuk Penurunan Berat Badan atau Pengurangan Lemak).
6. Muat turun dan cetak borang pendaftaran di www.bodykey.my. Lengkapkan borang tersebut dan bawanya bersama bukti pembelian Kit Pengekalan BodyKey pada hari anda melakukan timbang mula dengan ahli pasukan anda **pada 8 atau 9 Nov 2019** (Msia Timur)* **ATAU 9 atau 10 Nov 2019** (Msia Barat)**.

* Msia Timur – Kedai KK, Kuching dan Sibul

** Msia Barat – PJ (Dewan Latihan), Kedai JB (Plentong), P.Pinang (Perai), Kuantan

KRITERIA PENILAIAN

	
Cabaran 60 Hari	Cabaran 30 Hari
Tahap 1 Setiap ahli yang mencapai minimum Penurunan Berat Badan 6% atau Pengurangan Lemak 3%	Tahap 1 Setiap ahli yang mencapai minimum Penurunan Berat Badan 4% atau Pengurangan Lemak 2%
Tahap 2 Pasukan Teratas (Penurunan Berat Badan Tertinggi) x 1 Pasukan Teratas (Pengurangan Lemak Tertinggi) x 1	Tahap 2 Pasukan Teratas (Penurunan Berat Badan Tertinggi) x 1 Pasukan Teratas (Pengurangan Lemak Tertinggi) x 1
Ganjaran Tahap 1 Beg Galas Under Armour untuk setiap ahli (bernilai RM200) Tahap 2 Baucar Melancong bernilai RM6,000 untuk setiap ahli (bernilai RM18,000 setiap pasukan)	Ganjaran Tahap 1 Beg Cerut Under Armour untuk setiap ahli (bernilai RM100) Tahap 2 Baucar Digital bernilai RM3,000 untuk setiap ahli (bernilai RM9,000 setiap pasukan)

TERMA & SYARAT

1. Tempoh Cabaran dan selepas itu tempoh pendaftaran adalah dari 8 - 10 November 2019. Hari terakhir untuk mendaftar bagi Cabaran ialah 10 November 2019, dengan itu hari terakhir menamatkan Cabaran adalah sama ada 10/11/12 Januari 2020 (untuk Cabaran 60 Hari) ATAU 6/7/8 Disember 2019 (untuk Cabaran 30 Hari).
2. Keputusan penuh pemenang akan diumumkan di www.bodykey.my melalui WhatsApp. Amway Malaysia dan Brunei berhak untuk membuat pindaan pada tarikh pengumuman jika terdapat keperluan untuk pengesahan keputusan selanjutnya.
3. Satu pasukan dengan tiga ahli mesti dibentuk untuk menyertai cabaran ini. Anda juga mesti menjadi Pemilik Perniagaan Amway (ABO) Malaysia untuk layak menyertai cabaran ini.
4. Semasa proses timbang mula dan timbang akhir, setiap ahli pasukan mesti datang bersama-sama dan melakukan proses ini pada masa yang sama, di Kedai Amway yang sama. Sila pilih jika pasukan anda dengan 3 orang ahli bersaing dalam Cabaran 60/30 Hari, kategori Penurunan Berat Badan atau Pengurangan Lemak sebelum cabaran bermula. PENTING: Satu salinan borang pendaftaran dengan resit pembelian Kit BodyKey mesti ditunjukkan semasa melakukan timbangan oleh Ketua Pasukan. Setiap ABO mesti memberikan bukti pembelian (1 ABO setiap transaksi setiap resit). Amway Malaysia dan Brunei berhak untuk menolak penyertaan anda dalam cabaran ini jika anda mengabaikan terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.
5. Ketiga-tiga ahli mesti mengambil bahagian dalam cabaran yang SAMA iaitu: Cabaran 60 Hari atau 30 Hari.
6. Peserta mesti membeli sama ada Kit Permulaan BodyKey (SKU: 283411/ZIPP: 284521/EPP: 284522) ATAU Kit Pengekalan BodyKey (SKU: 292714/ZIPP: 292739/EPP: 292762) untuk menyertai cabaran ini. Pembelian Kit Permulaan BodyKey ATAU Kit Pengekalan BodyKey yang melayakkan penyertaan mesti dibuat mulai 1 November 2019.
7. TIDAK PERLU membeli InBodyWATCH/InBodyBand untuk layak menyertai cabaran ini tetapi pembelian sama ada Kit Permulaan BodyKey atau Kit Pengekalan BodyKey adalah wajib untuk layak menyertai cabaran ini.
8. Amway Malaysia Sdn. Bhd. tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan penyertaan dan bukti penghantaran tidak akan diterima sebagai bukti penerimaan.
9. Peserta mesti komited untuk bertahan selama 60 hari/30 hari berturut-turut. Jika ada ahli pasukan yang menarik diri semasa cabaran, seluruh pasukan akan TERBATAL daripada cabaran.
10. Jika ada ahli pasukan yang mengalami kecederaan, kemalangan atau meninggal dunia semasa tempoh cabaran, seluruh pasukan akan DIBATALKAN daripada cabaran.
11. Peserta mesti merujuk pengamal perubatan untuk penilaian perubatan lengkap bagi memastikan yang mereka selamat untuk bersenam, mengubah pelan diet dan menjalani program pengurusan berat sebelum pendaftaran dan sebelum cabaran ini bermula. Cabaran ini bukan untuk wanita hamil atau individu yang mengalami sebarang masalah kesihatan.
12. Peserta mesti mempunyai fizikal yang sihat, mental yang stabil, kesihatan yang baik dan tidak mengalami masalah kesihatan untuk menamatkan cabaran ini.
13. Peserta mesti memiliki telefon pintar - iPhone 4S dan ke atas atau telefon Android.

14. Keputusan pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah penurunan berat badan (kg)/pengurangan lemak keseluruhan pasukan tertinggi dan peratusan (%) penurunan berat badan/pengurangan lemak tertinggi daripada jumlah penurunan berat badan (kg)/pengurangan lemak keseluruhan pasukan. Perubahan paling ketara yang dilihat dalam gambar "Sebelum" dan "Selepas" yang terbaik akan digunakan untuk penilaian hanya apabila terdapat keputusan penurunan berat badan/pengurangan lemak tertinggi yang sama.
15. Semua ahli pasukan mesti memenuhi kriteria minimum sama ada untuk Penurunan Berat Badan atau Pengurangan Lemak untuk layak sebagai pemenang. Jika mana-mana ahli pasukan tidak memenuhi kriteria minimum, pasukan itu tidak boleh dianggap sebagai pemenang.
16. Keputusan tentang pemenang adalah muktamad dan tertakluk kepada budi bicara mutlak Amway Malaysia dan Brunei. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. Jika terdapat sebarang pertikaian, Amway Malaysia dan Brunei berhak membuat keputusan akhir.
17. Setiap peserta hanya boleh memenangi satu tahap ganjaran.
18. Amway Malaysia dan Brunei berhak untuk menggantikan ganjaran dengan barangan atau ganjaran lain dengan nilai yang sama.
19. Peserta mesti memberikan testimoni pada akhir cabaran dan mesti bersetuju untuk ditemu bual, diambil gambar, diambil video dan menghadiri sebarang acara dan aktiviti rasmi dianjurkan syarikat yang berkaitan dengan cabaran ini. Peserta mungkin perlu berkongsi pengalaman dalam cabaran ini dengan orang ramai semasa acara dan aktiviti ini.
20. Semua testimoni, temu bual, gambar dan video yang diterima atau diambil dan semua hak cipta akan dimiliki oleh Amway Malaysia dan Brunei dan boleh digunakan oleh Amway Malaysia dan Brunei di mana-mana seperti iklan rencana melalui mana-mana platform, termasuk jualan, promosi dan aktiviti publisiti lain melalui pelbagai saluran komunikasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada digital atau bercetak.
21. Amway Malaysia Sdn. Bhd. berhak mengubah atau menulis ganti kriteria, terma dan syarat dan ganjaran cabaran ini jika berlaku sebarang pertikaian tanpa notis terlebih dahulu. Jika berlaku sebarang pertikaian, ketidakpastian atau ketaksaan yang berkaitan dengan kriteria dan peraturan di sini, atau sebarang perkara yang melibatkan kempen ini, perkara itu akan diselesaikan oleh Amway Malaysia dan Brunei mengikut budi bicara mutlak dan tidak terbatas, dan seluruh keputusan tentang perkara itu adalah terakhir dan muktamad.
22. Semua penyertaan dan maklumat yang diberikan dan dihantar mestilah benar dan tepat. Jika ia didapati tidak benar atau memperdayakan, Amway Malaysia dan Brunei berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana pasukan.
23. Amway Malaysia dan Brunei berhak atas budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta yang telah melanggar mana-mana kriteria dan terma dan syarat atau terlibat dalam sebarang perlakuan yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar yang boleh menjejaskan pengendalian cabaran yang adil dan wajar. Hak undang-undang Amway Malaysia dan Brunei untuk mendapatkan ganti rugi atau pampasan daripada individu tersebut adalah terpelihara.
24. Peserta akan mengambil bahagian atas risiko sendiri dan Amway Malaysia dan Brunei tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tuntutan, kesilapan atau sebarang ketinggalan hingga ke kecederaan terhadap peserta atau kerosakan harta benda akibat daripada latihan, acara dan aktiviti atau semasa menyertai cabaran ini.

Penafian

Program Pengurusan Berat BodyKey bertujuan untuk membantu anda dalam usaha menurunkan berat badan peribadi anda. Anda harus sentiasa merujuk doktor sebelum memulakan sebarang bentuk program pengurusan berat badan melalui perubahan diet dan senaman. Program ini untuk digunakan individu dewasa yang sihat sahaja. Program ini bukan untuk digunakan oleh kanak-kanak bawah umur, wanita hamil, atau individu yang mengalami sebarang masalah kesihatan. Anda harus sentiasa merujuk doktor untuk penilaian perubatan lengkap bagi memastikan yang anda selamat untuk bersenam, mengubah pelan diet dan menjalani program pengurusan berat. Jika anda sememangnya mempunyai masalah kesihatan atau mengambil ubat preskripsi, anda juga bertanggungjawab untuk merujuk kepada doktor anda.

Dengan menyertai program ini, anda bersetuju dengan terma-terma ini dan anda memahami yang anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesihatan dan pilihan yang anda buat semasa program ini. Semua kandungan dan maklumat yang diberikan oleh Program Pengurusan Berat BodyKey hanya untuk tujuan maklumat sahaja. Kandungan ini bukan bertujuan sebagai pengganti nasihat perubatan profesional, diagnosis, atau rawatan yang diberikan.

Program Pengurusan Berat BodyKey tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kesilapan, atau sebarang ketinggalan, kecederaan terhadap individu atau kerosakan harta benda akibat daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pihak-pihak tersebut. Semua peserta dengan ini melepaskan Amway Malaysia dan Brunei daripada sebarang tuntutan untuk sebarang kerugian, kerosakan, atau kecederaan yang dialami semasa menyertai program ini.

Kami tidak menjanjikan atau menjamin atau membayangkan bahawa anda (atau penggunaan maklumat, produk, dan perkhidmatan kami oleh anda akan mengurangkan berat badan anda, menambah baik tahap kecergasan anda, atau menambah baik kehidupan anda. Hasil program mungkin berbeza-beza bergantung kepada banyak faktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada ketekunan, motivasi, tahap usaha dan keupayaan fizikal individu. Anda tidak harus menganggap maklumat, produk dan perkhidmatan sebagai bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan pengurangan berat badan anda. Ini ialah alat yang kami sediakan untuk anda cuba mengurangkan berat badan dan menambah baik tahap kecergasan anda.